



جباتن مفتى نكري فہع

قوله تعالى:

فَسَأَلُوا أَهْلَ الذِّكْرِ إِنْ كُنْتُمْ لَا تَعْلَمُونَ

السلام عليكم ورحمة الله وبركاته

Soalan :

Adakah bagi wanita yang berpuasa qada' boleh disekalikan dengan puasa enam ?

وعليكم السلام ورحمة الله وبركاته

Jawapan :

Permasalahan berkenaan qada' puasa sama ada boleh disekalikan dengan puasa enam di bulan syawal terdapat (khilaf) perbezaan pendapat dikalangan ulamak mengenainya.

Sesiapa yang berbuka puasa pada bulan ramadhan dengan sengaja tanpa sebarang keuzuran maka wajib keatasnya mengqada'kan(mengganti) puasanya serta merta selepas ramadhan berakhir dan selepas Hari Raya yang pertama. Seseorang itu tidak boleh mendahulukan puasa sunat enam pada bulan syawal kemudian diekori dengan puasa qadha, maksudnya disini hendaklah mengqada'kan puasa wajib terlebih dahulu.

Akan tetapi sekiranya meninggalkan puasa di atas sebab keuzuran yang dibenarkan syarak maka harus baginya mendahulukan puasa enam pada bulan syawal daripada puasa qadha kerana waktu puasa qadha' adalah *muwassa' (luas)*.

Imam as-syeikh Daud bin Abdullah al-Fathani Rahimahullah Ta'ala menyebut : *“(Dan demikian lagi) orang tiada puasa dengan uzur sunat dia berpuasa enam hari sunat syawal melainkan orang yang berbuka puasa Ramadhan dengan tiada uzur maka wajib ke atasnya menyegerakan mengqada' Ramadhan kerana makruh mengerjakan sunat orang yang ada padanya qada' Ramdhan dengan tiada uzur maka wajib menyegerakan qada' dahulu.”*

Menurut pendapat Mazhab Syafie, terdapat perselisihan pendapat tentang isu menggabungkan niat puasa diantara puasa qadha Ramadhan dan puasa sunat enam bulan syawal.

Syaikhul Islam Zakaria al-Ansari Rahimahullah Taala : *“ Jika seseorang berpuasa pada bulan Syawal untuk qadha bagi puasa Ramadhan, atau selainnya sama ada puasa nazar atau puasa sunat lain maka terhasil pahala sunatnya. Kerana topik perbincangannya adalah tentang puasa pada 6 hari daripada bulan syawal. Tetapi dia tidak akan memperolehi pahala yang sempurna sebagaimana yang diinginkannya melainkan dengan hanya dia berniat puasa khusus untuk 6 hari pada bulan syawal sahaja. Terutamanya orang yang telah luput daripadanya puasa Ramadhan kerana tidak sesuai dia berpuasa Ramadhan dan seterusnya berpuasa 6 hari di bulan syawal”*.

Imam Ramli rahimahullah Taala menyebut bahawa dia pernah ditanya tentang puasa Ramadhan dan qadha di bulan syawal, adakah berhasil qadha puasa Ramadhan dan pahala puasa 6 pada bulan syawal, ada ke tidak dalam masalah ini sebarang nukilan ?

Imam Ramli Rahimahullah Taala menjawab : *“ Bahawa berhasil puasa qadha Ramadhannya walaupun dia gabung niat puasa qadha Ramadhannya dengan puasa yang lain. Dan berhasil pahala puasa 6 hari pada bulan syawal. Masalah ini disebut oleh ramai ulama terkemudian (mutaakhirin).*

Imam Ibnu Hajar al-Hitami Rahimahullah Taala, mengenai orang yang berniat puasa sunat bersama puasa wajib : *“Jika diniatkan keduanya (puasa sunat dan puasa wajib), dia mendapat ganjaran bagi kedua-duanya atau diniatkan salah satu maka gugur tuntutan yang satu lagi dan tidak mendapat ganjarannya.”*

Ada sebahagian ulamak menyatakan sah seseorang itu melakukan qadha puasa bulan Ramadhan bersama puasa sunat enam syawal dan akan mendapat ganjaran pahala puasa sunat yang dilakukan di dalam bulan syawal tersebut. Hal ini diqiyaskan dengan seorang yang memasuki masjid kemudian solat 2 rakaat fardhu atau solat sunat rawatib (mengiringi solat fardhu) maka terhasil sekali baginya pahala solat sunat Tahiyatul Masjid kerana ia melakukan solat berkenaan sebelum ia duduk.

Walaupun begitu, perlu diambil perhatian bahawa maksud terhasilnya pahala puasa sunat enam syawal apabila dimasukkan sekali dengan puasa fardhu adalah semata-mata pahala sunat bukannya pahala yang sempurna.

Berdasarkan keterangan-keterangan di atas dapat disimpulkan bahawa mengikut pendapat yang muktamad, adalah lebih afdhal mengasingkan puasa qada' dan puasa sunat enam syawal. Namun begitu menyatukan puasa qada' dan puasa sunat enam syawal tetap harus hukumnya dan mendapat ganjaran pahala kedua-duanya mengikut pendapat yang dhaif. Walaubagaimanapun menyegerakan puasa qada' adalah sikap yang terpuji dan dituntut oleh syarak.

Rujukan :

1. Al-Kafi Li Al-Fatawi 1275
2. Kitab Bugyah at-Tullab. hlmn. 128
3. Kitab Syarqawi 'ala al-Tahrir
4. Fatawa Imam ramli, 2/339